KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

CANANG

Ogos 2024

PETIKAN
TITAH

Generasi belia adalah sumber tenaga yang sangat berharga. Maju dan mundurnya bangsa berkait rapat dengan prestasi belia.

Beta ingin melihat lebih ramai golongan 'Belia Cemerlang' yang berani mendepani perubahan dan meneroka bidang-bidang baharu dalam masyarakat.

Dalam hubungan ini, Beta sukacita melihat ramai golongan belia mempelopori bidang keusahawanan dan perniagaan. Beta berharap golongan belia akan terus mampu untuk bersaing dan meneroka pasaran serta peluang-peluang baharu, lebih-lebih lagi berupaya untuk menembusi pasaran luar negara.

Oleh itu, agensi-agensi berkenaan adalah perlu untuk meningkatkan usaha dan memikirkan tatacara yang mudah bagi belia menceburi perniagaan dan sebagainya, termasuk memudahkan urusan peminjaman modal-modal perniagaan bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing dalam bidang inovasi dan teknologi.

Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada setiap 1 Ogos adalah merupakan pengiktirafan kepada sumbangan, pengorbanan, pencapaian dan kejayaan golongan belia dalam pembangunan negara.

Namun masih perlu diingatkan, dalam mengejar kejayaan, golongan belia hendaklah tetap mengekalkan ciri-ciri kebruneian, dengan mematuhi dan menghormati hukum-hukum ugama dan Undang-Undang.

TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-19, 2024

SIDANG EDITORIAL CANANG

Penasihat:
Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

Pengerusi:
Yang Mulia Awang Haji Abu Asiruddin bin Haji Zaini
Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

Pengarang/Sumber Berita:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat
Jabatan Penerangan

Susun Atur dan Penyelaras
Unit Perhubungan Awam
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Penyunting
Yang Mulia Dayang Dr. Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

Pruf dan Penyemakan:
Yang Mulia Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Fotografi:
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jabatan Muzium-Muzium
Pusat Sejarah Brunei
Jabatan Belia dan Sukan
Jabatan Pembangunan Masyarakat

Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:
Jabatan Penerangan

MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI BELIA KEBANGSAAN KE-19, TAHUN 2024

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Muharam 1446 / 1 Ogos 2024 - Bersempena dengan Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-19, tahun 2024, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran (Solat Fardu Maghrib dan Isyak berjemaah, Bacaan Surah Yasin dan Bertahlil serta Doa Kesyukuran) bertempat di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampong Rimba, Gadong.

Hadir bagi majlis tersebut ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam).

SIRI ARKEOLOGI KE-3 SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2024

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 26 Muharam 1446 / 1 Ogos 2024 - Jabatan Muzium -Muzium melalui Bahagian Arkeologi dan Monumen menganjurkan Siri Arkeologi yang ke-3 bersempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2024. Acara tersebut diadakan di Dewan Teater PM Dato Sharifuddin, Bangunan Arkib Negara.

Sesi kali ini telah menjemput dua (2) orang pembentang, yang mana masing-masing membentangkan kertas kerja yang bertajuk MANIK: KEPENTINGAN DALAM MASYARAKAT KONTEMPORARI BRUNEI oleh Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap, KKBS dan KAJIAN ARKEOLOGI: SUMBANGANNYA DALAM PENULISAN SEJARAH AWAL NEGARA oleh Yang Mulia Pengiran Dr. Haji Karim bin Pengiran Haji Osman, Pakar Arkeologi.

MAJLIS MEMBACA SURAH YASIN DAN BERTAHLIL SEMPENA SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-19, TAHUN 2024

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Muharam 1446 / 3 Ogos 2024 - Majlis Membaca Surah Yasin dan Bertahlil khusus bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-19, Tahun 2024.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Yaasin dan Tahlil dipimpin oleh Yang Mulia Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abdul Rajid, Johan Qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1445/2024.



FESTIVAL KOREA 2024

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Muharam 1446 / 3 Ogos 2024 - Kedutaan Besar Republik Korea di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Pusat Beli-belah Timesquare mengadakan Festival Korea 2024 selama tiga hari bermula 3hb Ogos 2024 hingga 5hb Ogos 2024 di Times Square atrium.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis perasmian pada hari Sabtu, 3hb Ogos 2024 ialah Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sambungan Muka Surat 6

RIADAH BERBASIKAL KEPUTERAAN 2024

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 29 Muharam 1446 / 4 Ogos 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta penglibatan semua kementerian-kementerian yang lain serta Persekutuan Basikal Brunei Darussalam telah menganjurkan Riadah Berbasikal Keputeraan 2024 sempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni AlMarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai acara Riadah Berbasikal Keputeraan 2024 yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Sambungan Muka Surat 8



Upacara pelepasan riadah berbasikal bermula sejurus air horn dibunyikan oleh Yang Mulia Izzat Ramlee, penggiat seni tanah air

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya mendahului riadah berbasikal mengelilingi Bandar Seri Begawan sejauh 8 kilometer dan melintasi jalan-jalan utama antaranya Jalan Pretty, Jalan Elizabeth 2, Jalan Stoney, Jalan Haji Basir, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Jalan RIPAS, Jalan SOAS dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Baginda berserta Kerabat Diraja kemudiannya berkenan menyaksikan perbarisan lalu daripada seramai 78 orang pekayuh basikal terdiri daripada pekayuh basikal atlet negara dan kelab-kelab di bawah Persekutuan Basikal Brunei Darussalam yang diketuai oleh Yang Mulia Pengiran Amar Suriani bin Pengiran Hashim, Atlet Basikal Kebangsaan yang berjaya mengelilingi 78 kilometer yang berlepas sejak pukul 6.15 pagi. Pelepasan acara tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sambungan Muka Surat 9

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja seterusnya berkenan menyaksikan Perlawanan Akhir Kejohanan Tarik Kalat Peringkat Kebangsaan Kategori C-Remaja U19 (500 kilogram Terkumpul), Peringkat Se-Borneo Kategori Berat (680 kilogram Terkumpul) dan Peringkat Kementerian-Kementerian dan Duta-Duta Kategori Berat (680 kilogram Terkumpul) Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah -hadiah bagi Peringkat Kebangsaan Kategori C-Remaja U19 (500 kilogram Terkumpul), Peringkat Se-Borneo Kategori Berat (680 kilogram Terkumpul) dan Peringkat Kementerian-Kementerian dan Duta-Duta Kategori Berat (680 kilogram Terkumpul).

KUNJUNGAN PERPISAHAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Safar 1446 / 5 Ogos 2024 Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerima kunjungan perpisahan daripada Tuan Yang Terutama Bernard Regnauld-Fabre, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abd Hamid, Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

SAMBUTAN HARI BELIA KEBANGSAAN KE-19, TAHUN 2024

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Safar 1446 / 7 Ogos 2024 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-19, tahun 2024 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berangkat sama pada majlis sambutan tersebut ialah paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah,Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-19, tahun 2024 ini adalah dikekalkan seperi tahun 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023, iaitu 'BELIA SIAGA MASA DEPAN'. Tema ini masih lagi relevan dengan situasi dengan penumpuan kepada konsep sambutan iaitu Aspirasi Belia:

a) Belia adalah tonggak utama negara;
b) Mempersiapkan diri belia dengan 'acuan' yang berkualiti tanpa meninggalkan nilai keBruneian;
c) Kesiagaan Belia dalam mewujudkan ekosistem pembangunan belia yang dinamik, mapan dan inklusif;
d) Strategi untuk mempersiapkan belia siaga masa depan merupakan tanggungjawab bersepadu;
e) Mempelajari dan mengamalkan Maqasi Syariah sebagai landasan utama dan membentuksahsiah;
f) Memanfaatkan teknologi dan kemahiran digital.

Sambungan Muka Surat 12

KUNJUNGAN PERPISAHAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Safar 1446 / 8 Ogos 2024 – Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerima kunjungan perpisahan daripada Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral (B) Farhat Abbas Sani, Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

KUNJUNGAN PERPISAHAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Safar 1446 / 8 Ogos 2024 – – Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerima kunjungan perpisahan daripada Puan Yang Terutama Nahida Rahman Shumona, Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA NEGARA KEPADA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN MALAYSIA KE-21 (SUKMA XXI), KUCHING, SARAWAK 2024

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Safar 1446 / 8 Ogos 2024 – Negara Brunei Darussalam akan menyertai Sukan Malaysia Ke-21 (SUKMA XXI) Sarawak 2024 yang akan diadakan di Kuching, Sarawak bermula pada 17 hingga 24 Ogos 2024.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penyerahan Bendera Negara Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Sukan Malaysia Ke-21 (SUKMA XXI) Sarawak 2024 telah diadakan bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir menyempurnakan penyerahan bendera negara tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis diteruskan dengan penyerahan bendera Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Yang Mulia Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly Pemangku Pengarah Belia dan Sukan selaku Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Sukan Malaysia (SUKMA) XXI Sarawak 2024, Malaysia.

LAWATAN TUAN YANG TERUTAMA NGUYEN KHAC DINH, NAIB PRESIDEN DEWAN RAKYAT REPUBLIC SOSIALIS VIETNAM DAN ROMBONGAN KE MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Safar 1446 / 11 Ogos 2024 – Bersempena dengan lawatan kerja ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Nguyen Khac Dinh, Naib Presiden Dewan Rakyat Republik Sosialis Vietnam dan rombongan berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Ketibaan Tuan Yang Terutama Nguyen Khac Dinh dan rombongan dialu-alukan oleh Yang Mulia, Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dayang Aminah binti Haji Majid, Pemangku Pengarah Muzium serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Muzium-Muzium.



PAMERAN SENI KEMILAU GEMILANG 78: DARI HATI KE SENI

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Safar 1446 / 11 Ogos 2024 – Sempena sambutan Keputeraan ke-78 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, satu pameran seni bertajuk "Kemilau Gemilang 78: Dari Hati ke Seni" akan diadakan di Muzium Teknologi Melayu dari 11 Ogos hingga 15 September 2024.

Sempena sambutan Keputeraan ke-78 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, satu pameran seni bertajuk "Kemilau Gemilang 78: Dari Hati ke Seni" akan diadakan di Muzium Teknologi Melayu dari 11 Ogos hingga 15 September 2024.

Pameran ini mempamerkan keindahan dan kreativiti seni tempatan sambil menghormati sumbangan penting Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada pembangunan seni dan budaya di Brunei.

UPACARA SELAMAT BELAYAR ROMBONGAN KEDUA KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN MALAYSIA KE-21 (SUKMA XI)

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 6 Safar 1446 / 11 Ogos 2024 – Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang berlepas ke Kuching, Sarawak. Seramai lapan orang terdiri daripada Pegawai Urus Setia, Fisioterapi, Jurulatih dan atlet sukan Wushu bagi menyertai Sukan Malaysia Ke-21 (SUKMA XXI).

Edisi kali ini atlet dan pasukan negara akan menyertai sebanyak sebelas acara sukan iaitu Akuatik (Renang), Olahraga, Catur, E-Sukan, Lawan Pedang, Karate, Bola Jaring, Pencak Silat, Sepak Takraw, Taekwondo dan Wushu.

UPACARA SELAMAT BELAYAR ROMBONGAN KEEMPAT KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN MALAYSIA KE-21 (SUKMA XXI), KUCHING, SARAWAK 2024

BERAKAS, Selasa, 8 Safar 1446 / 13 Ogos 2024 - Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang berlepas ke Kuching, Sarawak dianggotai seramai 19 orang terdiri daripada 2 orang atlet sukan Taekwando, 12 orang atlet sukan Bola Jaring dan 5 orang pegawai termasuk Chef de Mission, Pegawai Perhubungan, Fisioterapi dan Jurulatih.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar dan seterusnya memberikan kata-kata nasihat kepada kontinjen negara ialah Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

UPACARA SELAMAT JALAN ROMBONGAN KELAPAN KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN MALAYSIA KE-21 (SUKMA XXI)



BERAKAS, Jumaat, 11 Safar 1446 / 16 Ogos 2024 - Seramai 6 orang atlet dan 2 orang jurulatih sukan Pencak Silat telah berlepas ke Miri, Sarawak bagi mengikuti kejohanan Sukan Malaysia Ke-21 (SUKMA XXI).

Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah hadir bagi mengucapkan selamat jalan serta memberikan kata-kata nasihat kepada kontinjen negara di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



UPACARA SELAMAT JALAN ROMBONGAN KESEMBILAN KONTINJEN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE SUKAN MALAYSIA KE-21 (SUKMA XXI)

BERAKAS, Sabtu, 12 Safar 1446 / 17 Ogos 2024 - Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang bertolak ke Miri, Sarawak dianggotai seramai 8 orang terdiri daripada atlet dan jurulatih sukan Lawan Pedang bagi mengikuti kejohanan Sukan Malaysia Ke-21 (SUKMA XXI).

Berada di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas bagi mengucapkan selamat jalan serta memberikan kata-kata nasihat kepada kontinjen negara ialah Yang Mulia Dayang Zainab binti Haji Morshidi, Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan

KEMPEN KEBERSIHAN SENEGARA PESISIRAN PANTAI BAGI SERPIHAN LAUT "WIRA PANTAI" DI BAWAH JAWATANKUASA INDUK ISU-ISU KEBERSIHAN BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

MUARA, Sabtu, 12 Safar 1446 / 17 Ogos 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyahut saranan Jabatan Alam Sekitar dan Rekreasi (JASTRE) bagi mengendalikan kempen kebersihan senegara pesisiran pantai bagi serpihan laut 'Wira Pantai' di bawah Jawatankuasa Induk Isu-Isu Kebersihan (JIIK) di Taman Rekreasi Pantai Muara.

Sejumlah 274.5kg sampah telah berjaya dikutip oleh lebih daripada 200 peserta terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian ini dan Jabatan-Jabatan di bawahnya termasuk sukarelawan belia dan alumni daripada Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Objektif kempen ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu kebersihan di pesisiran pantai yang berpunca daripada serpihan laut atau marine debris, terutamanya sisa plastik. Ia juga untuk menghasilkan data garis asas atau baseline data bagi serpihan laut di kawasan pesirian pantai, mengenal pasti jenis serpihan laut atau sisa buangan yang terdapat di pesisiran pantai dan akhir sekali untuk memperkasa masyarakat untuk menanamkan rasa tanggungjawab dalam melindungi dan memelihara alam sekitar melalui kaedah pembuangan sampah yang betul.

Sambungan Muka Surat 23

MAJLIS PEMBUKAAN PROGRAM JATI DIRI (PJD) BAGI PELAJAR ISKILL KOHORT 7

TEMBURONG, Sabtu, 12 Safar 1446 / 17 Ogos 2024 - Seramai 50 orang pelatih yang terdiri daripada pelajar iSkill kohort 7 di bawah Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), menyertai Program Jati Diri (PJD) dengan majlis pembukaan di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong.

Program selama 90 hari tersebut adalah sebahagian daripada program iSkill Industrial Skills Qualification (ISQ) dalam Marking and Fitting, Rigging dan Scaffolding, di bawah IBTE.

PJD adalah usaha kolaborasi antara Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM), IBTE, dan Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN).

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN KEWANGAN KERAJAAN KEPADA MANGSA BENCANA

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 12 Safar 1446 / 17 Ogos 2024 - Seramai 16 orang ketua keluarga yang terlibat dalam kejadian banjir, kebakaran dan rumah roboh telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis berlangsung di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa-mangsa bencana ialah Yang Mulia Dr Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan) selaku Pemangku Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,Negara Brunei Darussalam.

MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN SEMULA PERPUSTAKAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA DAERAH TEMBURONG

TEMBURONG, Rabu, 16 Safar 1446 / 21 Ogos 2024 - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Perpustakaan mengadakan Majlis Perasmian Pembukaan Semula Perpustakaan DBP Daerah Temburong. Majlis berlangsung di Perpustakaan DBP Daerah Temburong.

Hadir selaku Tetamu Kehormat dan seterusnya menyempurnakan perasmian ialah Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Turut hadir, Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit, Pemangku Pengarah DBP, Yang Mulia Dr. Haji Mohd Ali bin Haji Radin, Pemangku Timbalan Pengarah DBP, ketua-ketua jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan ketua-ketua jabatan di Daerah Temburong.

PROGRAM AL-WA'YU BAHAYA KEFAHAMAN EKSTREM DAN PENGGANASAN BAGI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 17 Safar 1446 / 22 Ogos 2024 - Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan program Al-Wa'yu bahaya kefahaman ekstrem dan pengganasan bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-jabatan di bawahnya di Dewan Digadong, Bangunan KKBS.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Awang Hanif bin Hj Shaari, Pemangku Ketua Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA) dan Yang Mulia Pengiran Muhammad Muzhaffar bin Pengiran Haji Rusjdi, Pegawai Penyelidik, Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama [KAFA].

Program Al-Wa'yu 'Bahaya Kefahaman Ekstrem dan Pengganasan' ini adalah sebagai perisai untuk pencegahan dari sebarang anasir yang berkaitan dengan kefahaman ekstrem dan pengganasan di Negara Brunei Darussalam, sekaligus merupakan salah satu kaedah untuk menangani isu dan cabaran terutamanya berkaitan pandangan hidup, pemikiran serta tingkah laku yang tidak diingini.

IN:STALL @ YOUTH HUB 2024 HAB BELIA, STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH

BERAKAS, Sabtu, 19 Safar 1446 / 24 Ogos 2024 - Sebanyak 107 buah syarikat atau vendors terdiri dari pengusaha-pengusaha MSMEs dan peniaga-peniaga established telah menyertai IN:STALL @Youth Hub 2024 yang diadakan di Hab Belia, Stadium Negara Hassanal Bolkiah bermula pada 24 hingga 25 Ogos 2024.

IN:STALL @Youth Hub 2024 adalah sebuah projek keusahawanan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Pusat Pembangunan Belia, bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-19, 2024 dengan tema Belia Siaga Masa Depan.

Majlis Pelancaran Projek IN:STALL @Youth Hub 2024 telah disempurnakan oleh Tetamu Kehormat Majlis iaitu Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Seterusnya mengiringi Tetamu Kehormat Majlis adalah wakil dari Pusat Pembangunan Belia iaitu Awang Haswandi bin Haji Osman selaku Penolong Pengarah Pusat Pembangunan Belia dan wakil dari Future Brands, Awang Yusuf Hafizan bin Muhammad Ishak bagi sama sama merasmikan Majlis Pelancaran.

PROGRAM CABARAN LARIAN SEJARAH BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 20 Safar 1446 / 25 Ogos 2024 - Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) serta disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menganjurkan program Cabaran Larian Sejarah Brunei 2024 (CLSB2024).

Seramai 42 kumpulan menyertai program berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada program tersebut ialah Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, Ahli Majlis Mesyuarat Negara. Turut hadir Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; dan Yang Mulia Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh, Pemangku Pengetua Pusat Sejarah Brunei.

Sambungan Muka Surat 30

Juara dimenangi oleh Kumpulan 031 terdiri daripada YM Md. Najmuddin bin Mohamad, YM Md. Rusydi bin Haji Yusly dan YM Mohd. Nor Hafiz bin Haji Abdul Wahab dengan membawa pulang hadiah wang tunai BND900, pingat, sijil dan keahlian percuma selama sebulan di Fitness Zone.

Naib johan dimenangi oleh Kumpulan 035 terdiri daripada YM Md. Danny bin Aussry, YM Mastani bin Md. Yussop dan YM Lau Soon Hau dengan membawa pulang hadiah BND600, pingat, sijil dan keahlian percuma selama sebulan di Fitness Zone.

Tempat ketiga dimenangi oleh Kumpulan 002 terdiri daripada YM Md. Izzat bin Haji Md. Azmi, YM Md. Hanif bin Haji Awang Jaafar dan YM Abdul Qawi bin Haji Zulkipli dengan membawa pulang hadiah wang tunai BND400, pingat, sijil dan keahlian percuma selama sebulan di Fitness Zone.

KURSUS "MEMIMPIN HUBUNGAN HARMONI DI DALAM DI DALAM KEMENTERIAN MELALUI BUDI PEKERTI" BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin-Selasa, 21-22 Safar 1446 / 26-27 Ogos 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Unit Perkembangan Sumber Tenaga Manusia telah mengadakan Kursus "Memimpin Hubungan Harmoni di dalam Kementerian melalui budi pekerti" bagi Pegawai-pegawai Kanan Kumpulan Al-Zaim selama dua (2) hari pada 21 & 22 Safar 1446 bersamaan 26 & 27 Ogos 2024 di Higher Hotel, Jalan Jame' Asr, Kampung Kiulap, Bandar Seri Begawan.

Objektif program yang ditawarkan ini direka untuk meningkatkan kemahiran pasukan dan bakat pegawai-pegawai kanan Kumpulan Al-Zaim untuk memimpin pasukan dengan mengimbangi prestasi puncak dan hubungan harmoni di kalangan ahli pasukan melalui Budi Pekerti.

Sambungan Muka Surat 32

KURSUS "BUDI PEKERTI: 6 TINGKAH LAKU YANG TIDAK DAPAT DISANGKAL DALAM PERKHIDMATAN KEPADA PELANGGAN DAN ORANG RAMAI" BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Safar 1446 / 28 Ogos 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Unit Perkembangan Sumber Tenaga Manusia telah mengadakan Kursus "Budi Pekerti: 6 Tingkah Laku yang tidak dapat disangkal dalam perkhidmatan kepada pelanggan dan orang ramai" bagi Pegawai dan kakitangan KKBS pada 23 Safar 1446 bersamaan 28 Ogos 2024 di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kursus ini mengongsikan amalan terbaik dan kaedah untuk mengenalpasti ciri-ciri perkhidmatan pelanggan yang berkualiti dan kehendak pelanggan serta memahami dengan lebih mendalam lagi mengenai prinsip dan kepentingan perkhidmatan kaunter dan juga layanan terhadap pelanggan.

Kursus ini telah disampaikan oleh fasilitator jemputan daripada Singapura iaitu Yang Mulia Tengku Indra, Chief Mentor Officer, SDG Global.

MAJLIS PENANDATANGAN PERJANJIAN PERKHIDMATAN DI ANTARA JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN COMQUEST SENDIRIAN BERHAD

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Safar 1446 / 28 Ogos 2024 - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Penandatanganan Perjanjian Perkhidmatan bagi Operasi dan Penyelenggaraan Pusat Panggilan Kebangsaan Child Helpline 121 dan Talian Kebajikan 141 dengan Comquest Sendirian Berhad di bangunan KKBS.

Majlis penandatanganan di antara kedua-dua pihak diwakili oleh YM Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan YM Guarav Shrotriya, Pengurus Am Comquest Sendirian Berhad.

Kedua-dua talian bantuan (141 dan 121) adalah talian bebas tol dan beroperasi 24 jam di Pusat Panggilan JAPEM dan segala maklumat yang diterima adalah dirahsiakan. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk menghubungi Talian Kebajikan 141 jika ingin melaporkan sebarang isu-isu yang melibatkan kebajikan dan kemaslahatan orang ramai. Bagi kanak-kanak dan orang muda yang berhasrat untuk meluahkan perasaan dan membuat aduan tanpa rasa takut bolehlah menghubungi Talian ANAK 121 pada bila-bila masa.

KURSUS "MEMIMPIN HUBUNGAN HARMONI DI DALAM DI DALAM KEMENTERIAN MELALUI BUDI PEKERTI" BAGI PEGAWAI-PEGAWAI PERINGKAT PERTENGAHAN KUMPULAN AL-USWAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis & Sabtu , 21-22 Safar 1446 / 29 & 31 Ogos 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Unit Perkembangan Sumber Tenaga Manusia telah mengadakan Kursus "Memimpin Hubungan Harmoni di dalam Kementerian melalui budi pekerti" bagi Pegawai-Pegawai Peringkat Pertengahan Kumpulan Al-Uswah selama dua (2) hari pada 24 & 25 Safar 1446 bersamaan 29 & 31 Ogos 2024 di Higher Hotel, Jalan Jame' Asr, Kampung Kiulap, Bandar Seri Begawan.

Objektif program yang ditawarkan ini direka untuk meningkatkan kemahiran pasukan dan bakat pegawai-pegawai peringkat pertengahan Kumpulan Al-Uswah untuk memimpin pasukan dengan mengimbangi prestasi puncak dan hubungan harmoni di kalangan ahli pasukan melalui Budi Pekerti.

Kursus ini disampaikan oleh fasilitator jemputan daripada Singapura iaitu Yang Mulia Tengku Indra, Chief Mentor Officer, SDG Global.

Sambungan Muka Surat 36

E-POSTER SEMPENA

MENYAMBUT HARI BELIA KEBANGSAAN KE-19, 2024

كمنترين كبودايأن، بليا دان سوكن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dikeluarkan oleh:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan